



TEKS UCAPAN YBHG.  
DATUK REKTOR KUTKM  
SEMPENA UPACARA  
PENYAMPAIAN CEK  
PAMPASAN TANAH  
PROJEK KAMPUS  
KUTKM

TARIKH : **DISEMBER 28, 01**

MASA : **9:00 PAGI**

TEMPAT : **BALAIRAYA  
KAMPUNG  
BELIMBING DALAM,  
DURIAN TUNGGAL,  
MELAKA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalammualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Dan Salam Sejahtera**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

*Yang Berhormat Datuk Jahaya bin Mat, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka*

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh bin Sulong,  
Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM

*Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti*

Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani,  
Rektor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

Yang Berbahagia Tuan Hj. Kamaruddin bin Hj. Awang, Pengerusi Eksekutif Metacorp Properties Sdn Bhd

Ketua-ketua Jabatan

Persatuan Penduduk Taman Tasek Utama

Tetamu Jemputan

Para Staf dan mahasiswa KUTKM yang dikasihi sekelian

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan hari ini ke upacara penyampaian cek pampasan tanah projek kampus Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia yang akan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka.

Untuk pengetahuan saudara/saudari lokasi tapak cadangan kampus tetap dipersetujui di tanah hak milik Rancangan Tanah Pinggir (RTP) Bukit Senandong I dan II di Mukim Durian Tunggal, Daerah Alor Gajah, Melaka. Ia terdiri dari 164 bilangan lot dengan keluasan 724.97 ekar (293.39 hektar). Lokasi tapak cadangan terletak di sebelah kiri tepi lebuhraya Seremban ke Tangkak dan berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh. Kawasan cadangan bersetentangan dengan Kolej Yayasan Saad, Melaka.

Proses pengambilan telah dibuat melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud Kampus Tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Status terkini Jabatan Pendidikan Tinggi adalah

menguruskan pembayaran pampasan kepada pemilik-pemilik tanah. Kerajaan Persekutuan Negeri telah memperuntukkan sejumlah kira-kira RM45.5 juta bagi pembayaran wang pampasan pengambilan balik tanah tapak kampus KUTKM. pecahan pembayaran pampasan merangkumi sebanyak 56% daripada golongan bumiputra manakala golongan bukan bumiputra sebanyak 44%.

Kedudukan dari aspek infrastruktur serta kemudahan tapak cadangan jalan masuk utama terletak di tepi lebuhraya Seremban ke Johor Bahru dan berhampiran Tol Ayer Keroh. Jalan yang sedia ada terdapat di dalam kawasan adalah jalan bawah tanah dari Kolej Yayasan Halim Saad. Satu lagi

alternatif jalan ke tapak cadangan kampus adalah melalui jalan lama Simpang Gading.

Saudara/saudari sekalian,

Perancangan pembangunan dan pembinaan kampus tetap KUTKM adalah berdasarkan konsep rekabentuk:

- Pembangunan seimbang di antara fizikal (kebendaan dan luaran), kerohanian (dalaman) dan nilai-nilai murni manusia.
- Konsep ‘City University’ dan Konsep Universiti Terbuka mengwujudkan kampus universiti menjadi pemangkin akademik, pembangunan fizikal dan komersial bagi kawasan setempat dan secara tidak langsung kepada seluruh daerah.

- Mengwujudkan persekitaran yang kondusif dan berintegrasi sebagai sebuah ‘Teaching Factory’.
- Pembangunan dan corak rekabentuk hendaklah berdasar konsep ‘High-tech’ ke arah ‘Era Milliniuem’.
- Pembangunan yang menghormati alam sekitar dengan menerapkan konsep Mesra Alam.

Bagi memudahkan perancangan pembangunan KUTKM konsep zon telah diwujudkan. Konsep-konsep zon diterjemahkan seperti berikut:

- i) Zon Pentadbiran

Zon Pentadbiran terdiri dari bangunan pejabat pentadbiran induk universiti dan juga pejabat-pejabat sokongan iaitu Pejabat Canseleri, Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Pembangunan dan Pusat Komputer.

ii) Zon Akademik

Zon Akademik adalah merupakan zon himpunan bangunan-bangunan fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA).

Saudara/Saudari yang dikasih sekalian

Pembangunan program akademik KUTKM dirangka dalam tiga (3) fasa iaitu:

Fasa Pertama : 2001 – 2004

Fasa Kedua : 2005 – 2007

Fasa Ketiga : 2007 – 2010

Pertama : 2001 – 2004

Lima program akan dilaksanakan dalam fasa ini iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Kommunikasi, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.



Fasa Kedua : 2005 – 2007

Fasa ini merupakan fasa pemantapan program Ijazah Sarjana Muda dan pertambahan program Ijazah Sarjana Muda dan pertambahan beberapa pengkhususan seperti berikut:

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekatronik), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektronik Perubatan), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Instrumentasi & Kawalan), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Aero-angkasa), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Automotif), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Perkhidmatan Bangunan & Alam Sekitar), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Teknologi Kayu), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia.

Sarjana Muda Kejuruteraan Bioproses dan Bioteknologi.

Bagi fasa ini sebuah Pusat Kecemerlangan Industri akan diwujudkan. Ianya berperanan menjadikan KUTKM sebagai pusat kecemerlangan bagi pengusaha industri mendapatkan pandangan dan rujukan.

Saudara/Saudari yang dikasih sekelian

Pembangunan kampus tetap ini juga mengambil berat kebajikan kakitangan iaitu Zon Perumahan Kakitangan. Rumah Felo (dengan kadar 1:4 di mana setiap satu ribu orang pelajar mempunyai satu ketua felo dan 3 felo) dan Rumah Kakitangan Kumpulan C dan D (terdiri daripada kakitangan tunggu seula uai juga pemandu).



Bagi menerapkan konsep Mesra Alam, pembangunan kampus ini mengadakan zon rekreasi/hijau iaitu zon rekreasi bagi kemudahan riadah warga kampus dan juga mengenal pasti keperluan kawasan hijau di dalam kampus yang terdiri daripada padang permainan terbuka, kawasan rekreasi aktif/pasif, rezab lanskap/saliran, padang permainan kanak-kanak dan taman botanikal. Kawasan hijau adalah dikekalkan di balaam kampus dengan peratusan sebanyak 30% daripada kawasan pembangunan di mana 10% diperuntukkan sebagai kawasan rekreasi. Ini adalah untuk menentukan bahawa satu ‘green belt’ diwujudkan bagi mengekalkan persekitaran yang kondusif dan selesa.

Oleh itu, di kesempatan ini saya berterima kasih kepada tuan-tuan tanah yang menerima pampasan pengambilan balik tanah tanpa bantahan kerana kesabaran dan kerjasama yang diberikan sewaktu proses pemindahan hak milik dilakukan manakala penerima pampasan dengan bantahan diharap bersabar kerana proses pindah milik tanah perlu dirujuk kepada budi bicara pihak mahkamah dalam menentukan nilai tanah masing-masing.

Saya mewakili pihak KUTKM sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri, tuan-tuan tanah serta kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan projek kampus tetap KUTKM.

Sekianlah sahaja sepatah dua kata dari saya  
bersempena majlis ini dan disudahi dengan  
Sekian, ***wabillahi taufiq walhidayah***  
***wassalamualaikum warahmatullahi***  
***wabarakatuh.***